

# Generasi muda perlu bantu pulih integriti, tolak rasuah

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa golongan belia mendukung prinsip urus tadbir baik sebagai sebahagian usaha membantu kerajaan memulihkan elemen integriti dalam pentadbiran.

Perdana Menteri berkata, generasi muda juga perlu tekad menolak amalan rasuah, penyeludupan dan sindiket terancang, sambil menegaskan integriti serta akauntabiliti dalam kepemimpinan sangat penting bagi menjamin kemajuan negara.

“Sebab ini saya sering bercakap mengenai tatakelola. Kepemimpinan perlu bersih dan perkara tidak berfaedah (amalan rasuah) ini perlu dihentikan.

“Saya perlukan sokongan generasi muda dan anda semua perlu menerajui (usaha itu).

“Anda (generasi muda) perlu tegaskan, tiada lagi rasuah, penyeludupan dan sindiket di negara ini. Kepemimpinan perlu bersih dan kita mesti hentikan perkara tidak berfaedah ini,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan 'berkata demikian pada sesi *in Conversation with Prime Minister* sempena Persidangan Kemuncak Pemimpin Muda Antarabangsa (iFUTURE) 2025 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zam-

bry Abdul Kadir; Timbalan Menteri, Datuk Mustapha Sakmud dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Dr Azlinda Azman.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai strategi membanteras rasuah bagi memastikan ekonomi negara lebih berdaya tahan dan berteraskan keadilan sosial.

Rentetan itu, katanya, kerajaan berjaya mengumpulkan semula wang bernilai RM15.5 bilion yang diselewengkan pelbagai pihak, dalam tempoh dua tahun pentadbiran diterajuinya.

Beliau berkata, kejayaan pelbagai strategi itu juga membolehkan kerajaan melaksanakan

rasionalisasi subsidi petroleum, ayam dan pendidikan, seperti diumumkan dalam Belanjawan 2026, minggu lalu.

“Disebabkan kejayaan ini, saya dapat memulakan sesuatu yang sangat dekat di hati saya, iaitu pendidikan seharusnya (diberikan secara) percuma.

“Justeru, saya mulakan, bukan secara radikal, tetapi berperingkat bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan baik.

“Mulai tahun depan, golongan miskin tegar akan menikmati pendidikan percuma hingga ke peringkat universiti dan insya-Allah, jika tatakelola baik, kita akan bergerak sedikit demi sedikit ke arah itu,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar pada perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, berkata badan penguatkuasaan diberi jaminan untuk bebas mengambil tindakan terhadap perasuah biarpun mereka mem-babitkan orang kenamaan.

Katanya, beliau akan memper-taruhkannya apa saja untuk mempertahankan tindakan diambil penguat kuasa terhadap perasuah demi kepentingan negara.

Mengenai penguatkuasaan terhadap gejala rasuah, beliau sedar kekusaran penguat kuasa sama ada tindakan mereka terhadap individu terbabit terutama orang kenamaan akan dipertahankan kepemimpinan dalam pasukan.